

26/04/1997

Dahulukan kepentingan ahli

H H

ORANG Melayu bangga apabila pencapaian mereka dalam semua bidang ketika ini jauh lebih baik daripada yang dijangkakan. Menyifatkan kejayaan itu luar biasa, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ini dapat dicapai kerana orang Melayu mempunyai potensi dan kebolehan tinggi.

Berucap merasmikan Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera anjuran Pergerakan Wanita Umno minggu lalu, Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan, masih banyak yang perlu dibuat oleh orang Melayu dan Bumiputera kerana negara kini memasuki era teknologi maklumat yang serba canggih.

Katanya, kita mesti buat perancangan untuk tempoh jangka panjang dan mempunyai wawasan bagi kita terus mempertahankan dan mempertingkatkan potensi.

Kemajuan luar biasa ini dicapai kerana kita tidak lagi malu mengenali dan mengakui kelemahan yang menyerang kita. Kita selalu sebut bahawa Tuhan tidak menjadikan Bumiputera kurang sempurna daripada manusia lain. Kelemahan dan kegagalan kita sebenarnya kerana sikap dan pendekatan sendiri.

Dalam pada kita bangga dengan kebolehan orang Melayu ini, kita juga bersedih dengan beberapa wabak penyakit lama orang Melayu yang masih sukar diubati. Ketika Perdana Menteri bercakap menghebahkan kebolehan orang Melayu berniaga, pada masa yang sama timbul lagi cerita lapuk iaitu perbuatan ali-baba.

Dilaporkan, di Kuala Lumpur saja kira-kira 4,000 teksi di Lembah Klang dipercayai beroperasi menggunakan permit milik Melayu yang dialibabakan. Kementerian Pembangunan Usahawan dikatakan akan memanggil pemilik teksi Bumiputera yang mengalibabakan permit mereka itu kepada pengusaha asing dan tindakan segera akan diambil termasuk menarik balik permit bagi memberi pengajaran kepada mereka.

Ini baru permit teksi. Mungkin banyak lagi kelulusan perniagaan atau bantuan yang lain diluluskan oleh kerajaan, kini jatuh ke tangan bukan Melayu. Jika cerita pasal tanah pula, memang banyak orang kita yang dianugerahkan tanah di kawasan strategik di Lembah Klang, kini tidak memilikinya lagi. Macam permit teksi juga kisahnya. Semua dijual kepada bukan Melayu yang kemudian dibangunkan dengan macam-macam projek. Atas kebodohan kita sendiri, ramai usahawan Melayu terutama di Kuala Lumpur hanya dapat tulang manakala orang lain dapat isi.

Sampai bila perkara seperti ini mesti berlaku, kita pun tidak tahu. Yang pasti, kegiatan itu terus meningkat dan mencemarkan nama baik orang Melayu. Jika tidak ditolong pula, mereka akan terus salahkan kerajaan dan mendesak lebih banyak usaha diadakan bagi membantu Bumiputera.

Ketam Batu berpendapat, selain kesedaran usahawan Melayu itu sendiri, usaha mengurangkan perbuatan buruk ini walaupun tidak dapat membanteras sepenuhnya, boleh dibuat oleh persatuan dan juga dewan perniagaan Melayu.

Selain sering memberi pedoman dan nasihat kepada ahli serta usahawan menerusi seminar dan kursus motivasi, dewan dan persatuan perniagaan Melayu juga boleh bantu kementerian kenal pasti dan cekup mereka yang jual permit dan lain-lain kelulusan perniagaan yang diberikan oleh kerajaan. Ketam Batu yakin dengan kerjasama semua pihak, perbuatan ali-baba ini boleh dikurangkan.

Malangnya, dalam persatuan perniagaan dan dewan Melayu perniagaan sendiri, pertelagahan kerap berlaku sehingga merugikan ahli dan

menghilangkan minat mereka menyertainya. Lihat saja apa sudah terjadi dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur (DPMMBKL). Hari ini pada mesyuarat agung diadakan di Penthouse Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), akan menyaksikan pembentangan dua usul undi tidak percaya terhadap Yang Dipertuanya, Datuk Moehamad Izat Emir.

Kita bukan mahu menyebelah mana-mana pihak. Bagaimanapun kita merasakan ketika usahawan Bumiputera kita di Kuala Lumpur seperti pemilik permit teksi ini menghadapi pelbagai kemelut dalam perniagaan, pertubuhan dan badan perniagaan seperti DPMMBKL inilah yang boleh main fungsi besar.

Tetapi bagaimana ini boleh dilakukan jika dalam dewan itu sendiri menghadapi masalah kepemimpinan dan berkecamuk dengan politik. Mana juga organisasi pun akan mengalami kecacatan dan masalah jika 'kepalanya' bertelagah.

Moehamad Izat mungkin ada kelebihan dan kebolehannya tersendiri mentadbir dewan. Begitu juga dengan rakan-rakan lain jika diberi peluang. Kita pun mesti terima hakikat bahawa dalam dewan seperti itu banyak politik. Masing-masing dari yang atas hinggalah kepada ahli, tidak boleh lari melakukan sesuatu untuk kepentingan sendiri.

Oleh itu dalam hal ini, ahli mesti pandai menilai apa jua tindakan yang bakal diambil hari ini mesti dilihat dari aspek yang rasional dan waras. Ahli dan pemimpin juga mestilah menerima sebarang keputusan yang dibuat dengan hati yang terbuka.

Ahli mesti faham bahawa apa yang berlaku dalam dewan Kuala Lumpur bukannya pertembungan antara satu personaliti dengan personaliti yang lain. Sebaliknya ia adalah proses biasa dalam organisasi bagi mencari pemimpin yang benar-benar berkualiti, berwawasan, komited dan tidak mementingkan diri sendiri sebaliknya sentiasa mendahulukan kepentingan ahli. Selamat bersidang.

(END)